

FINAL REPORT OF GRANT UIC 161003

**BIO-COAGULANT AND SMART SYSTEM
FOR SUSTAINABLE WATER
TREATMENT**

NAMA : MOHD NAJIB BIN RAZALI

**FAKULTI : FAKULTI KEJURUTERAAN
KIMIA DAN SUMBER ASLI**

LIST OF CONTENTS

1. Grant UIC 161003 Final Report
2. LOA SUPERB 2018
3. Technology Licensing Agreement MNRg-Treat
4. Payment Request for Bio-Coagulant
Technology Licensing from UMP
5. Confirmation Payment Documents of
Technology Licensing (RM50,000.00)
6. Payment Receipt of Technology Licensing
(RM50,000.00) from UMP
7. Patent of MNRg-Treat 1
8. Patent of MNRg-Treat 2
9. Water Analysis Quotation (ISNAS)
10. Water Analysis Quotation (Halliburton)
11. Proceeding Paper
12. MNRg-Treat Brochure
13. Progress of Water Analysis MNRg-Treat

LAPORAN GERAN UIC 161003

BIO-COAGULANT AND SMART SYSTEM FOR
SUSTAINABLE WATER TREATMENT

NAMA : MOHD NAJIB BIN RAZALI
FAKULTI : FAKULTI KEJURUTERAAN
KIMIA DAN SUMBER ASLI

PROJECTS INFORMATION

PROJECTS SUMMARY

Title:

MNRg-Treat: An Innovative Green Technology Wastewater Treatment



MNRg-Treat is a bio-coagulant treatment for oily wastewater from industries. This product had been developed from 2012 by Mr Mohd Najib Bin Razali and his team. It is able to treat polluted water according to the Department of Environment standards. This project was funded by The Bumiputera Entrepreneurs Start-up Scheme (SUPERB), Agensi Peneraju Bumiputera (Teraju) which provides a grant of RM500,000.00 to support innovative and creative business ideas. MNRg-Treat is commercialized by MNR Multitech Sdn Bhd. MNRg-Treat is a safe green technology product compared to other existing chemicals in the industry. The wastewater treated by MNRg-Treat will comply with The Standard B Effluent Discharge Environmental Quality Act 1974 imposed by the Department of Environment, Malaysia.

1- State the name of the project involved and the duration of the project

MNRg-Treat: An Innovative Green Technology Wastewater Treatment
(Duration: 5th Mac 2018 – 4th September 2019)

2- State the objectives and background for each project.

MNRg-Treat is a system to treat wastewater from various industries by using coagulation agent to separate residue oil and water. This is the research results from 2012, which is able to treat polluted water to safer and cleaner water according to the Department of Environment standards. MNRg-Treat is a safe green technology. Product compared to existing chemicals in the market. It's acts to treat water from oily waste up to 95% and fast in action to separate the oil from water in a timely manner.

Advantages:

- i. Comply with Environmental Quality (Sewage & Industrial Effluent) Regulations 2009
- ii. Use Natural Bio-Coagulant
- iii. Environmental friendly since low pH, low temperature (no heating) and low pressure.
- iv. Easy to install, maintenance and service the system.
- v. Low Production & Maintenance Cost

3- State the achievement of high impact projects. State also how industry / community partners have contributed towards achieving the objectives, impact and success of the projects.

1. Superb Winner – Commercialization Startup Fund (Superb Grant) TERAJU Q1 2017 RM 500,000.00 For G-TREAT
2. Gold Medal, Creation, Innovation, Technology & Research Exposition (CITREX 2017) UMP, Malaysia.
3. Gold Medal, International Conference and Exposition on Inventions by Institutions of Higher Learning (PECIPTA 2017) Ministry of Higher Education, Malaysia.
4. Silver Medal, Seoul International Invention Fair 2017 (SIIF 2017). Title: G-Treat: Smart System for Water Sustainability

List of Clients

- Puting Jaya Enterprise
- Halliburton Energy Services (M) Sdn Bhd
- Isnas Services Sdn Bhd

4- State the form of income generated in the form of cash or in-kinds

Explain:

Manpower contribution or financial contribution / significant in kind

1. Superb Winner – Commercialization Startup Fund (Superb Grant) TERAJU Q1 2017
RM 500,000.00 For G-TREAT
 2. Technology Licensing Fee between MNR Multitech Sdn Bhd and Universiti Malaysia
Pahang (RM 50,000.00)
 3. Water Sampling Analysis RM 10,370.00
- 5- History of industry / community network prior to high-impact projects along with industry / community partners nominated.
Explain: sharing of expertise / knowledge that enhances project impact to the community.

Technology Park Malaysia (TPM) is the agency that assigned by Teraju to monitor commercialization work of MNRg-Treat Product by MNR Multitech Sdn Bhd.

List of Clients

- Puting Jaya Enterprise
- Halliburton Energy Services (M) Sdn Bhd
- Isnas Services Sdn Bhd



Ruj. Kami: TERAJU/SUPERB/S1/2017/MNRMULTITECH

Sulit & Persendirian

Tarikh: 03 MAR 2018

Mohd Najib Bin Razali
MNR MULTITECH SDN. BHD.
1249959-T
No.8, Lorong Sri Damai Aman 31,
Perumahan Sri Damai Aman,
25150 Kuantan, Pahang



MELALUI TANGAN


السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Tuan/Puan,

TAWARAN GERAN DI BAWAH PROGRAM SKIM USAHAWAN PERMULAAN BUMIPUTERA (SUPERB) UNTUK MNR MULTITECH SDN. BHD. ("Syarikat")

Perkara di atas dengan hormatnya adalah dirujuk.

2. Kami dengan sukacitanya ingin memaklumkan bahawa Unit Peneraju Agenda Bumiputera ("TERAJU") melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan SUPERB (*Monitoring Committee*) BIL 2/2017 telah meluluskan Cadangan Jadual Pelaksanaan dan Butiran Perbelanjaan Geran SUPERB sebanyak **RM500,000** bagi kegunaan Projek SUPERB Tuan/Puan.
3. Bersama-sama dengan surat ini dilampirkan **DUA (2) SALINAN ASAL** Terma-Terma Dan Syarat-Syarat ("**Perjanjian**") bersama jadual-jadual dan lampiran untuk ditandatangani ringkas (*initial*) di setiap mukasurat oleh pihak Syarikat Tuan/Puan dan untuk disempurnakan (disetemkan).







4. Jadual-jadual dan lampiran yang perlu dilengkapkan oleh pihak Syarikat adalah seperti berikut:

**JADUAL-JADUAL STANDARD PERJANJIAN YANG PERLU DISERAHKAN
DENGAN PERJANJIAN KEPADA TERAJU**

Jadual	Perkara	Status
1	Butir-Butir Penerima Geran SUPERB	Telah dilengkapkan
2	Jumlah Geran SUPERB, tempoh Geran dan Perbelanjaan	Telah dilengkapkan
3	Projek SUPERB	Telah dilengkapkan
4	Jadual Perlaksanaan	Telah dilengkapkan
5	Pecahan Pembayaran Geran SUPERB	Telah dilengkapkan
7	Surat Kebenaran Pemprosesan Maklumat Peribadi di Bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010	Perlu diisikan oleh Syarikat di atas Kepala Surat Syarikat sebelum ditandatangani (<i>initial</i>)

**LAMPIRAN PERJANJIAN YANG PERLU DISERAHKAN
DENGAN PERJANJIAN KEPADA TERAJU**

Lampiran	Perkara	Status
A	Bahagian A Akuan Setuju Terima	Perlu ditandatangani (<i>initial</i>) oleh Syarikat
	Bahagian B Perakauan Agensi Pemantau	Akan diperakui oleh Agensi Pemantau selepas Akuan Setuju Terima ditandatangani oleh Syarikat





JADUAL-JADUAL PERJANJIAN YANG PERLU DILENGKAPKAN OLEH SYARIKAT

Jadual	Perkara	Status
6	Notis Pembayaran	Perlu diisikan oleh Syarikat di atas Kepala Surat Syarikat bagi tujuan tuntutan bayaran geran mengikut Jadual Pelaksanaan (Milestones) Projek Tuan/Puan seperti yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan SUPERB (Monitoring Committee) dan hendaklah diserahkan kepada Agensi Pemantau

5. Sekiranya Syarikat bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Surat Tawaran ini, sila tandatangani **Lampiran A - Bahagian A (Akuan Setuju Terima)** dan salinan kedua **Perjanjian** (bersertakan jadual-jadual) yang perlu disempurnakan (disetemkan) dan diserahkan dalam tempoh **EMPAT BELAS (14) HARI** dari tarikh surat ini dikeluarkan kepada:

Untuk Perhatian:

Dzarul Farhan Dzahar
Eksekutif, Pembangunan Sektor
Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU),
Aras 5, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU 7/3,
Mutiara Damansara,
47810 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

6. Sekiranya TERAJU tidak menerima **Perjanjian** tersebut yang telah dilengkapi bersama-sama dengan Lampiran A - Bahagian A (Akuan Setuju Terima) dan jadual-jadual di dalam tempoh yang dinyatakan di atas, surat kelulusan ini adalah terbatal dengan serta merta. Penyerahan **Perjanjian** yang tidak lengkap atau yang tidak ditandatangani (initial) dan tidak disempurnakan (disetemkan) tidak akan dianggap sebagai penerimaan **Perjanjian** tersebut oleh TERAJU.





7. Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pemantauan SUPERB (Monitoring Committee) adalah muktamad dan segala kos yang terlibat termasuklah duti setem bagi **Perjanjian** hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Syarikat
8. Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan dengan menghubungi Sekretariat SUPERB melalui e-mel atau talian seperti di bawah:


(i) Encik Dzarul Farhan Dzahar
E-mel: dzarul@teraju.gov.my & Tel: 03-7839 8096

Sekian, terima kasih.

Yang benar
UNIT PENERAJU AGENDA BUMIPUTERA

DATO' HUSNI SALLEH
Ketua Pegawai Eksekutif

s.k. Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd



1. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

1.1 Penawaran Geran SUPERB ini adalah tertakluk kepada hasil daripada *due diligence* yang dilaksanakan oleh TERAJU bahawa:-

- (a) tidak ada apa-apa tindakan mahkamah, siasatan atau aduan ("complaint") sedia ada yang dikenakan terhadap Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB dan tidak ada tindakan mahkamah (yang diketahui) oleh Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB akan diambil terhadapnya;
- (b) Penerima Geran SUPERB dan semua pemegang saham syarikat Penerima Geran SUPERB bukan individu yang muflis;
- (c) Penerima Geran SUPERB berusia di antara 18 hingga 40 tahun (hendaklah berusia 41 tahun ke bawah pada tarikh permohonan);
- (d) Penerima Geran SUPERB adalah seorang Bumiputera. Bumiputera bermaksud warganegara Malaysia yang merupakan:-
 - i) orang Melayu seperti yang didefinisikan di dalam Artikel 160(2) Perlembagaan Persekutuan;
 - ii) orang asli seperti yang didefinisikan di dalam Akta Orang Asli 1954; atau
 - iii) pribumi negeri Sarawak atau Sabah seperti yang didefinisikan di dalam Artikel 161A(6) dan 161A(7) Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
- (e) Sekurang-kurangnya 60% saham dalam syarikat Penerima Geran SUPERB adalah dimiliki oleh Bumiputera;
- (f) majoriti daripada pengarah dan pengurusan syarikat Penerima Geran SUPERB adalah Bumiputera;
- (g) syarikat Penerima Geran SUPERB ditubuhkan tidak lebih daripada tiga (3) tahun dari tarikh Surat Tawaran ini dan merupakan sebuah syarikat yang solven; dan
- (h) Projek SUPERB yang dikemukakan oleh Penerima Geran SUPERB adalah berdasarkan idea yang asli dan tidak pernah didaftarkan di bawah permohonan hakmilik harta intelek oleh mana-mana pihak.

Bagi tujuan mengelak sebarang keraguan, hasil *due diligence* yang dinyatakan dalam Klausula 1.1(a) - (h) di atas adalah tepat pada tarikh Surat Tawaran ini atau tarikh sebenar *due diligence* tersebut dijalankan (mana-mana yang kemudian). TERAJU berhak mengambil tindakan di bawah Klausula 12.1 sekiranya terdapat sebarang perkembangan selepas tarikh tersebut yang bercanggah dengan hasil *due diligence* tersebut.

1.2 Melainkan dinyatakan sebaliknya, sebarang obligasi dan hak berhubung Geran SUPERB yang terkandung dalam Surat Tawaran ini hendaklah merujuk kepada obligasi dan hak Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB.



2. GERAN SUPERB

- 2.1 Geran SUPERB yang ditawarkan kepada Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB adalah dalam jumlah, bagi tempoh dan untuk perbelanjaan yang dinyatakan dalam **Jadual 2** ("**Geran SUPERB**", "**Tempoh Geran SUPERB**" dan "**Perbelanjaan Geran SUPERB**").
- 2.2 Sekiranya Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB tidak dapat menyelesaikan Projek SUPERB mengikut Tempoh Geran SUPERB seperti dalam **Jadual 2**, Agensi Pemantau berhak menggunakan budibicara untuk melanjutkan tempoh Perbelanjaan Geran SUPERB kepada Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB bagi tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan. Agensi Pemantau hendaklah dengan serta-merta memaklumkan kepada TERAJU secara bertulis sebarang perlanjutan masa yang diberikan kepada Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB.
- 2.3 Sekiranya Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB memerlukan perlanjutan masa melebihi tiga (3) bulan, Agensi Pemantau hendaklah terlebih dahulu memperolehi kebenaran daripada TERAJU sebelum sebarang perlanjutan masa diberikan kepada Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB. Sebarang perlanjutan masa hendaklah tidak melebihi tempoh enam (6) bulan.
- 2.4 Sebarang perlanjutan masa melebihi tempoh yang diberikan di bawah Klausula 2.3 di atas, adalah tertakluk kepada pembentangan semula oleh Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB dan kuasa budibicara Jawatankuasa Pemantau SUPERB.
- 2.5 Sekiranya Geran SUPERB tidak dibayar sepenuhnya kepada Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB dalam Tempoh Geran SUPERB dan tempoh lanjutan di bawah Klausula 2.2 dan 2.3 di atas, Geran SUPERB adalah dianggap terbatal dan ditamatkan serta-merta.
- 2.6 Sebarang permohonan perlanjutan masa oleh Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB, hendaklah disokong dengan penyerahan maklumat dan dokumen yang berkaitan.
- 2.7 Geran SUPERB hanya boleh digunakan untuk tujuan pelaksanaan projek seperti yang dinyatakan secara terperinci dalam **Jadual 3** ("**Projek SUPERB**"). Sebarang pindaan atau perubahan penggunaan Geran SUPERB untuk tujuan-tujuan lain adalah tertakluk kepada persetujuan Jawatankuasa Pemantau SUPERB.

3. STRUKTUR PEMILIKAN SAHAM SYARIKAT PENERIMA GERAN SUPERB

- 3.1 Penerima Geran SUPERB hendaklah merupakan pemegang saham majoriti di dalam syarikat Penerima Geran SUPERB.
- 3.2 Pegangan saham Penerima Geran SUPERB, hendaklah sepanjang Tempoh Geran SUPERB dan tiga (3) tahun selepas tamat Tempoh Geran SUPERB kekal seperti mana yang dinyatakan dalam Perkara 2, **Jadual 1**.
- 3.3 Sebarang perubahan terhadap pemegang saham dan pegangan saham Penerima Geran SUPERB dalam tempoh yang diperuntukkan di atas hendaklah dimaklumkan kepada TERAJU dan tertakluk kepada persetujuan bertulis TERAJU, kegagalan untuk



berbuat sedemikian merupakan pelanggaran kepada terma–terma dan syarat-syarat Surat Tawaran ini, dan TERAJU mempunyai hak dan kuasa mutlak untuk membatalkan Surat Tawaran ini.

- 3.4 Bagi tujuan mengelak sebarang keraguan, syarikat Penerima Geran SUPERB yang dinamakan di dalam **Jadual 1** hendaklah sepanjang Tempoh Geran SUPERB dan tiga (3) tahun selepas tamat Tempoh Geran SUPERB kekal seperti mana yang dinyatakan dalam **Jadual 1** tersebut. Sebarang perubahan atau penukaran terhadap syarikat entiti Penerima Geran SUPERB adalah tertakluk kepada persetujuan Jawatankuasa Pemantau SUPERB.

4. HAKMILIK HARTA INTELEK

- 4.1 Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB adalah bertanggungjawab untuk mendaftar hakmilik harta intelek Projek SUPERB sebaik sahaja Penerima Geran SUPERB menandatangani Surat Tawaran. TERAJU tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian ekoran kegagalan Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB untuk berbuat sedemikian.
- 4.2 Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB adalah dibenarkan menggunakan Geran SUPERB bagi tujuan menanggung kos pendaftaran hakmilik harta intelek Projek SUPERB seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 4.1 Surat Tawaran ini.
- 4.3 Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB bersetuju untuk memindahkan hakmilik harta intelek Projek SUPERB daripada Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB kepada TERAJU (yang mana terpakai) sekiranya TERAJU melakukan pembatalan Surat Tawaran ini di bawah Klausa 11 Surat Tawaran ini.

5. PENDEDAHAN

- 5.1 Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada TERAJU sekiranya Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB telah atau pada masa yang material menerima sebarang atau apa-apa bentuk geran daripada mana-mana agensi kerajaan untuk tujuan berkaitan dengan Projek SUPERB.
- 5.2 Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB bertanggungjawab memaklumkan secara bertulis dengan notis munasabah kepada TERAJU sebelum menerima sebarang pinjaman dan/atau pembiayaan dan/atau faedah daripada pinjaman dan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan untuk tujuan berkaitan dengan Projek SUPERB.

6. PROJEK SUPERB DAN JADUAL PELAKSANAAN

Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB hendaklah melaksanakan Projek SUPERB selaras dengan jadual pelaksanaan yang dinyatakan dengan terperinci dalam **Jadual 4** (“**Jadual Pelaksanaan**”). Sebarang perubahan terhadap Jadual Pelaksanaan atau perlanjutan masa hendaklah tertakluk kepada Klausa 2 di atas.



7. PELAKSANAAN PROJEK SUPERB

- 7.1 Bagi tujuan pelaksanaan Projek SUPERB, TERAJU telah melantik agensi pemantau yang dinyatakan dalam Perkara 5, **Jadual 1** ("**Agensi Pemantau**") sebagai pihak yang akan:-
- (a) meneliti dan memantau status pelaksanaan serta perkembangan Projek SUPERB; dan
 - (b) menyalurkan pembayaran Geran SUPERB kepada Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB seperti mana yang dinyatakan di dalam **Jadual 2** dan dalam pecahan seperti mana yang dinyatakan dalam **Jadual 5** ("**Pecahan Pembayaran Geran SUPERB**").
- 7.2 Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB hendaklah berurusan dengan Agensi Pemantau berhubung isu-isu berkaitan **Jadual 2, Jadual 3, Jadual 4, Jadual 5 dan Jadual 6**.
- 7.3 Sekiranya perlu, Agensi Pemantau, selepas berunding dengan Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB, berhak pada bila-bila masa membuat permohonan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pemantau SUPERB melalui TERAJU untuk meminda **Jadual 2, Jadual 4 dan/atau Jadual 5**. Pindaan kepada jadual-jadual tersebut selepas diluluskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pemantau SUPERB hendaklah berkuatkuasa dan dianggap sebagai pindaan kepada Surat Tawaran ini.

8. PEMBAYARAN GERAN SUPERB

- 8.1 Dalam masa tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh Surat Tawaran ini dikeluarkan, Geran SUPERB akan diserahkan oleh TERAJU kepada Agensi Pemantau.
- 8.2 Tertakluk kepada penyempurnaan Projek SUPERB (atau mana-mana bahagian daripadanya) selaras dengan **Jadual 4** dengan pengesahan bertulis oleh Agensi Pemantau, perakuan oleh TERAJU dan kelulusan oleh Jawatankuasa Pemantau SUPERB serta pematuhan oleh Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB ke atas semua terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Surat Tawaran ini, Agensi Pemantau hendaklah membuat bayaran seperti pecahan dalam **Jadual 5** dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh arahan tersebut diterima oleh Agensi Pemantau.
- 8.3 Bayaran Geran SUPERB hanya akan diproses setelah:-
- (a) Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB menyerahkan notis dalam format seperti di **Jadual 6** ("**Notis Pembayaran**") kepada Agensi Pemantau;
 - (b) Notis Pembayaran yang diterima oleh Agensi Pemantau adalah lengkap dan Agensi Pemantau berhak mengarahkan Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB untuk mengemukakan apa-apa dokumen tambahan sebagai sokongan kepada Notis Pembayaran, sekiranya perlu; dan
 - (c) Notis Pembayaran yang telah lengkap disahkan oleh Agensi Pemantau, diperakui oleh TERAJU dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemantau SUPERB.




- 8.4 Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB dengan ini bersetuju bahawa:-
- (a) Geran SUPERB adalah merupakan peruntukan yang diterima oleh TERAJU daripada Kerajaan Malaysia;
 - (b) TERAJU berhak untuk mengarahkan Agensi Pemantau untuk menghentikan pembayaran Geran SUPERB pada bila-bila masa sekiranya:-
 - (i) Geran SUPERB ditarik balik oleh Kerajaan Malaysia atas apa-apa sebab atau atas sebab kegagalan Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB mematuhi mana-mana terma-terma atau syarat-syarat yang terkandung dalam Surat Tawaran ini; dan
 - (ii) sebarang keputusan untuk menarik balik Geran SUPERB daripada Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB telah dipersetujui oleh TERAJU dan Jawatankuasa Pemantau SUPERB.
- 8.5 Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB dengan ini membuat ikrar integriti bahawa:
- (a) tiada unsur-unsur rasuah sebagai dorongan atau hadiah telah ditawarkan oleh Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB atau mana-mana pihak lain yang bertindak bagi pihak Penerima Geran SUPERB kepada mana-mana pihak bagi kelulusan permohonan Geran SUPERB; dan
 - (b) pemegang saham bagi syarikat Penerima Geran SUPERB hendaklah pemilik *bona fide* Projek SUPERB dan tidak bertindak bagi pihak atau sebagai wakil atau proksi kepada mana-mana pihak lain.

9. JAWATANKUASA PEMANTAU SUPERB

- 9.1 Sebuah Jawatankuasa Pemantau SUPERB telah ditubuhkan untuk memantau Projek SUPERB dan membuat pertimbangan, keputusan dan kelulusan berkaitan Projek SUPERB, Geran SUPERB, Jadual Pelaksanaan serta apa-apa perkara lain yang berkaitan dengannya.
- 9.2 Keanggotaan Jawatankuasa Pemantau SUPERB adalah ditentukan oleh TERAJU dan pada setiap masa akan terdiri daripada wakil TERAJU (sekurang-kurangnya berpangkat Pengarah) dan wakil Agensi Pemantau.

10. LAPORAN

- 10.1 Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB hendaklah mengemukakan laporan bertulis berhubung kemajuan Projek SUPERB atau apa-apa laporan lain yang berkaitan kepada Agensi Pemantau dalam format dan pada masa yang akan ditetapkan oleh Agensi Pemantau seperti yang berikut:-
- (a) laporan suku tahunan mengenai perkembangan Projek SUPERB;
 - (b) laporan pertengahan tahun mengenai perkembangan Projek SUPERB; dan
 - (c) mengemukakan laporan bertulis 'Close Out Report' dan dokumen ringkasan perbelanjaan bagi pembayaran terakhir, ~~sebagai sahaja~~ pembayaran terakhir dibuat kepada syarikat Penerima Geran SUPERB.




- 10.2 Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB hendaklah mengemukakan laporan syarikat setiap enam (6) bulan sehingga tiga (3) tahun selepas pembayaran terakhir.
- 10.3 Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB dan TERAJU bersetuju bahawa kegagalan Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB untuk mengemukakan laporan bertulis seperti dinyatakan di dalam Klausa 10.1, TERAJU mempunyai hak untuk menangguhkan dan/atau menghentikan bayaran kepada Penerima Geran SUPERB tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Surat Tawaran ini.

11. OBLIGASI PENERIMA GERAN SUPERB DAN/ATAU SYARIKAT PENERIMA GERAN SUPERB

11.1 Sebaik sahaja TERAJU menerima **Bahagian A (Akuan Setuju Terima) Lampiran A** dan salinan Surat Tawaran ini yang telah ditandatangani oleh Penerima Geran SUPERB, Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB secara automatik bersetuju bahawa:-

- (a) TERAJU dan/atau Agensi Pemantau (atau mana-mana pihak yang dilantik olehnya) mempunyai hak untuk melawat tempat Projek SUPERB dijalankan untuk tujuan pemantauan dan pengesanan;
- (b) TERAJU dan/atau Agensi Pemantau (atau mana-mana pihak yang dilantik olehnya) mempunyai hak untuk membuat sebarang kerja-kerja audit berhubung Projek SUPERB, Geran SUPERB dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya;
- (c) Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB hendaklah menghadiri apa-apa mesyuarat, majlis dan/atau program yang diaturkan oleh TERAJU dan/ atau Agensi Pemantau;
- (d) Penerima Geran SUPERB hendaklah mematuhi sebarang arahan daripada TERAJU dan/ atau Agensi Pemantau berhubung Projek SUPERB, Geran SUPERB, Jadual Pelaksanaan serta Perbelanjaan dan Pembayaran;
- (e) Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB hendaklah memaklumkan secara bertulis dengan secepat mungkin kepada Agensi Pemantau berhubung sebarang isu-isu yang boleh menjejaskan kemajuan dan pelaksanaan Projek SUPERB;
- (f) Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB hendaklah memastikan bahawa sebarang kelulusan, permit, lesen dan/atau apa-apa bentuk kebenaran yang diperlukan dalam melaksanakan Projek SUPERB daripada mana-mana pihak diperolehi;
- (g) TERAJU mempunyai hak untuk membuat publisiti atau hebahan berhubung apa-apa perkara yang dinyatakan dalam Surat Tawaran ini kepada mana-mana pihak (sama ada secara terus atau melalui Agensi Pemantau) dan Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB hendaklah memberi kerjasama sepenuhnya kepada TERAJU dan/atau Agensi Pemantau dalam publisiti atau hebahan tersebut;
- (h) TERAJU berhak untuk memegang 10% daripada jumlah keseluruhan Geran SUPERB sebagai pemegang amanah bagi tujuan pelaksanaan program-



program atau perkara-perkara lain yang TERAJU fikirkan bermanfaat dan/atau demi kepentingan Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB;

- (i) Sekiranya perlu membuat sebarang hebahan atau publisiti berhubung Projek SUPERB kepada mana-mana pihak, Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB hendaklah:-
 - (i) mendapatkan kebenaran bertulis daripada TERAJU terlebih dahulu sebelum membuat hebahan atau publisiti tersebut; dan
 - (ii) memberi pengiktirafan kepada Projek SUPERB dan Kerajaan Malaysia dalam hebahan atau publisiti tersebut.
- (j) Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB hendaklah memastikan sebarang peralatan atau aset berkaitan Projek SUPERB diinsurankan daripada sebarang kebakaran, kecurian, kehilangan dan/atau kerosakan atau apa-apa risiko lain dan sebarang bayaran insuran yang diterima digunakan untuk menggantikan peralatan atau aset tersebut; dan
- (k) Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB hendaklah mematuhi semua undang-undang bertulis, peraturan, kaedah, polisi dan prosedur yang berkaitan dengan atau terpakai ke atas Penerima Geran SUPERB dan pelaksanaan Projek SUPERB.

12. PEMBATALAN TAWARAN PEMBIAYAAN

12.1 TERAJU berhak untuk membatalkan Surat Tawaran ini dengan serta-merta sekiranya:-

- (a) Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB mengingkari mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Surat Tawaran ini;
- (b) terdapat perubahan kepada pemegang saham dan pegangan saham syarikat Penerima Geran SUPERB sepanjang Tempoh Geran SUPERB dan tiga (3) tahun selepas tamat Tempoh Geran SUPERB seperti diperuntukkan di bawah Klausa 3.3 yang dibuat tanpa kelulusan bertulis oleh TERAJU;
- (c) terdapat perkembangan baru yang boleh memberi erti bahawa dalam pandangan TERAJU, Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB menunjukkan tanda-tanda tidak berkemampuan untuk memenuhi syarat-syarat dan terma-terma yang tertera dalam Surat Tawaran ini, jadual-jadual dalam Surat Tawaran ini serta arahan-arahan daripada TERAJU dan/atau Agensi Pemantau dari semasa ke semasa;
- (d) terdapat perubahan material dalam pelaksanaan Projek SUPERB seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 3. Sebarang pindaan atau perubahan pelaksanaan Projek SUPERB adalah tertakluk kepada kebenaran dan kuasa budibicara Jawatankuasa Pemantau SUPERB.
- (e) TERAJU menerima laporan daripada Agensi Pemantau berhubung kegagalan Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB untuk mematuhi **Jadual 4** yang mana perkembangannya adalah dipantau oleh Agensi Pemantau;




- (f) terdapat apa-apa maklumat, representasi atau akujanji Penerima Geran SUPERB yang namanya dinyatakan dalam **Jadual 1** dan/ atau Penerima Geran SUPERB atau apa-apa dokumen yang dikemukakan sebelum ini didapati tidak benar atau palsu;
- (g) terdapat tindakan undang-undang atau mahkamah atau lain-lain tindakan yang sedang atau akan dikenakan terhadap Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB;
- (h) Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB melanggar ikrar integriti di bawah Klausula 8.5 di atas;
- (i) kesemua atau sebahagian daripada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Surat Tawaran ini dipertikaikan atau tidak boleh dipersetujui oleh Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB;
- (j) Penerima Geran SUPERB dan/atau pemegang saham syarikat Penerima Geran SUPERB dinyatakan dalam **Jadual 1** adalah seorang yang bankrap; atau
- (k) atas sebab-sebab lain yang difikirkan sesuai oleh TERAJU dan/atau atas cadangan Agensi Pemantau yang dipersetujui oleh TERAJU dan Jawatankuasa Pemantau SUPERB.

12.2 Sekiranya Surat Tawaran ini dibatalkan di bawah Klausula 12.1 di atas, TERAJU berhak untuk:-

- (a) mengarahkan Agensi Pemantau untuk menghentikan dengan serta-merta pembayaran Geran SUPERB kepada Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB seperti mana yang dibenarkan di bawah **Jadual 2**;
- (b) menuntut kembali Geran SUPERB (semua atau sebahagian daripadanya) daripada Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB sebagai jumlah yang terhutang dan kena dibayar oleh Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB kepada TERAJU; dan
- (c) menerima hakmilik harta intelek Projek SUPERB yang dimiliki oleh Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB seperti yang dinyatakan di dalam Klausula 4.3 Surat Tawaran ini.

12.3 Tanpa menjejaskan hak-hak lain yang terkandung di dalam Surat Tawaran ini, TERAJU berhak untuk membatalkan Surat Tawaran ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis dengan serta merta kepada Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB tersebut sekiranya Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB disyaki dan dibuktikan telah mengemukakan tuntutan palsu berhubung dengan Projek SUPERB.

12.4 Bagi mengelak sebarang keraguan, Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB tidak berhak menuntut sebarang kerugian termasuk kehilangan keuntungan, kerosakan, atau tuntutan jenis apa pun kerana pembatalan Surat Tawaran ini.



- 12.5 Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB tidak dibenarkan untuk menyaman atau mengambil tindakan undang undang terhadap TERAJU, kakitangan TERAJU atau Agensi Pemantau untuk apa alasan sekali pun berkaitan dengan Projek SUPERB.
- 12.6 Hak TERAJU di bawah Klausa 12.2(b) di atas hendaklah kekal sekalipun Tempoh Geran SUPERB telah tamat atau Surat Tawaran ini telah dibatalkan oleh kerana terdapat perubahan pemegang saham dan pegangan saham Penerima Geran SUPERB dalam tempoh tiga (3) tahun daripada tarikh tamat Tempoh Geran SUPERB.

13. LARANGAN KEGUNAAN SURAT TAWARAN

Surat Tawaran ini tidak boleh digunakan sebagai jaminan atau apa-apa bentuk komitmen TERAJU kepada mana-mana pihak lain selain daripada Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB dan terhad kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam Surat Tawaran ini sahaja.

14. AKUAN SETUJU TERIMA

- 14.1 Surat Tawaran ini dikemukakan kepada Penerima Geran SUPERB dalam dua (2) salinan asal. Sekiranya Penerima Geran SUPERB bersetuju dengan terma-terma dan syarat syarat yang terkandung dalam Surat Tawaran ini, sila tandatangi:

- (i) **Bahagian A (Akuan Setuju Terima Penerima Geran SUPERB)** dalam **Lampiran A** untuk Penerima Geran SUPERB; dan
- (ii) salinan kedua Surat Tawaran ini;

dan kembalikan kepada Unit Peneraju Agenda Bumiputera ("TERAJU"), Aras 5, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

- 14.2 **Bahagian B** dalam **Lampiran A (Perakuan Agensi Pemantau)** hanya akan diperakui oleh Agensi Pemantau selepas **Bahagian A (Akuan Setuju Terima Penerima Geran SUPERB)** dalam **Lampiran A** ditandatangani oleh Penerima Geran SUPERB.

15. PENGGUNAAN DATA PERIBADI

- 15.1 Penerima Geran SUPERB bersetuju bahawa dengan menandatangani dan mengembalikan **Bahagian A (Akuan Setuju Terima Pemenang Geran SUPERB)** dalam **Lampiran A**, Unit Peneraju Agenda Bumiputera, TERAJU Bumiputera Corporation dan/ atau Agensi Pemantau, diberi kebenaran untuk memproses data-data peribadi Penerima Geran SUPERB selaras dengan peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
- 15.2 Surat kebenaran pemprosesan data-data peribadi adalah seperti format di **Jadual 7** dan hendaklah ditandatangani oleh semua pemegang saham dan pengarah syarikat Penerima Geran SUPERB. Surat kebenaran tersebut hendaklah dikembalikan kepada TERAJU bersama **Bahagian A (Akuan Setuju Terima Penerima Geran SUPERB)** dalam **Lampiran A**.
- 15.3 Penerima Geran SUPERB hendaklah menghubungi Unit Peneraju Agenda Bumiputera, TERAJU Bumiputera Corporation dan/atau Agensi Pemantau sekiranya ingin mengakses, membetulkan, memansuhkan data-data peribadi atau menarik balik kebenaran untuk memproses data-data peribadi Penerima Geran SUPERB.



16. PERBELANJAAN DAN KOS

- 16.1 Melainkan diperuntukkan sebaliknya dalam **Jadual 2**, semua perbelanjaan dan kos berhubung pelaksanaan Projek SUPERB, kos guaman, dan lain-lain kos hendaklah menjadi tanggungan Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB.
- 16.2 Surat Tawaran ini hendaklah dikenakan duti setem dan semua kos yang berkaitan dengan duti setem tersebut hendaklah ditanggung oleh Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB.

17. NOTIS

Sebarang notis yang dikehendaki oleh satu pihak untuk diserahkan kepada pihak yang lain di bawah Surat Tawaran ini mestilah dalam bentuk bertulis dan hendaklah disifatkan sebagai memadai diserahkan jika ia diberikan oleh pihak tersebut atau peguamcaranya atau melalui peguamcaranya di dalam surat berdaftar yang diposkan dan dialamatkan kepada pihak satu lagi kepada alamat yang disebutkan di dalam Surat Tawaran ini dan di dalam keadaan ini, ianya hendaklah disifatkan (samada ianya sebenarnya diterima atau tidak) sebagai telah diterima pada hari **KETUJUH (7)** selepas surat tersebut diposkan.

18. UNDANG-UNDANG

Surat Tawaran ini adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia.

19. INTEGRASI

Surat Tawaran ini menggantikan semua perjanjian terdahulu dan persefahaman (sama ada secara bertulis atau lisan) antara TERAJU dan Penerima Geran SUPERB dan/atau syarikat Penerima Geran SUPERB berkenaan dengan perkara ini.

20. MASA

Masa hendaklah menjadi inti pati dalam Surat Tawaran ini.

21. PENEPIAN HAK

Kegagalan mana-mana pihak melaksanakan mana-mana hak, remedi atau peruntukan di bawah Surat Tawaran ini, pada bila-bila masa, tidak akan beroperasi sebagai suatu penepian hak, melainkan jika ia telah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh pihak-pihak terlebih dahulu.

22. PEMATUHAN KEPADA UNDANG UNDANG

Pihak-pihak bersetuju untuk mematuhi segala peruntukan undang-undang, arahan, perintah dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia.

23. SAH LAKU SURAT TAWARAN

Surat Tawaran ini adalah sah untuk tempoh empat belas (14) hari dari tarikh ia dikeluarkan dan hendaklah terbatal dengan sendirinya tanpa sebarang notis (bertulis




atau sebaliknya) sekiranya TERAJU tidak menerima **Bahagian A (Akan Setuju Terima) dalam Lampiran A**, mana-mana yang berkenaan, dan salinan Surat Tawaran ini yang bertandatangan daripada Penerima Geran SUPERB dalam tempoh tersebut.




**JADUAL 1
BUTIR-BUTIR PENERIMA GERAN SUPERB**

No	Perkara	Butiran
1	Penerima Geran SUPERB	<p>Nama: Mohd Najib Bin Razali Nama Syarikat: MNR MULTITECH SDN. BHD. No. Syarikat: 1249959-T Alamat Berdaftar: No.8, Lorong Sri Damai Aman 31, Perumahan Sri Damai Aman, 25150 Kuantan Pahang</p>
2	Pemegang Saham Syarikat Penerima Geran SUPERB	<p>Nama: Mohd Najib Bin Razali No. Kad Pengenalan: 840809-01-5939 Alamat: No.8, Lorong Sri Damai Aman 31, Perumahan Sri Damai Aman, 25150 Kuantan Pahang Pegangan Saham Syarikat : 100%</p>
3	Pengarah Syarikat Penerima Geran SUPERB	<p>Nama: Mohd Aizudin Bin Abd Aziz No. Kad Pengenalan: 840204-14-6039 Alamat: Lot 61, Jalan 36 D, Kg. Cheras baru, 56100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan</p> <p>Nama: Musfakiri Bin Musa No. Kad Pengenalan: 871115-08-6013 Alamat: No 15, Lorong Gambang Damai 1/20, Taman Gambang Damai 1, Jalan Gambang-Kuantan, 26300 Gambang, Pahang</p>
4	Butiran Syarikat Penerima Geran SUPERB bagi tujuan serahan notis	<p>Nombor Telefon: 012-3530738 Emel: najib_ump@yahoo.com.my Alamat Surat Menyurat Syarikat Penerima Geran SUPERB: No.8, Lorong Sri Damai Aman 31, Perumahan Sri Damai Aman, 25150 Kuantan Pahang</p>
5	Agensi Pemantau	Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd



JADUAL 2
JUMLAH GERAN SUPERB, TEMPOH GERAN DAN PERBELANJAAN

Perkara	Butiran																					
Jumlah Geran SUPERB	Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu (RM 500,000) sahaja																					
Tempoh Geran SUPERB	18 Bulan Bermula Dari Tarikh Duti Setem																					
Perbelanjaan Geran SUPERB yang dibenarkan	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">No.</th> <th style="text-align: center;">Butiran</th> <th style="text-align: center;">Amaun (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td> <td>Mobilisasi</td> <td style="text-align: right;">25,000</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2</td> <td>Perbelanjaan Modal</td> <td style="text-align: right;">240,000</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">3</td> <td>Perbelanjaan Operasi</td> <td style="text-align: right;">160,000</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">4</td> <td>Penyelidikan & Pembangunan</td> <td style="text-align: right;">50,000</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">5</td> <td>Promosi & Pemasaran</td> <td style="text-align: right;">25,000</td> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: center;">JUMLAH</td> <td style="text-align: right;">500,000.00</td> </tr> </tbody> </table>	No.	Butiran	Amaun (RM)	1	Mobilisasi	25,000	2	Perbelanjaan Modal	240,000	3	Perbelanjaan Operasi	160,000	4	Penyelidikan & Pembangunan	50,000	5	Promosi & Pemasaran	25,000		JUMLAH	500,000.00
	No.	Butiran	Amaun (RM)																			
	1	Mobilisasi	25,000																			
	2	Perbelanjaan Modal	240,000																			
	3	Perbelanjaan Operasi	160,000																			
	4	Penyelidikan & Pembangunan	50,000																			
	5	Promosi & Pemasaran	25,000																			
	JUMLAH	500,000.00																				



MR

**JADUAL 3
PROJEK SUPERB**

G-TREAT



The high financial impact on the disposal cost of industrial waste emulsion drives the initiative in finding effective solution which can save this expenditure and at the same time protect the environment by introducing G-TREAT.



MR

JADUAL 4 JADUAL PELAKSANAAN

Milestones/Deliverables	Date (Duration)	Expenditure (RM)
Mobilisation (5%)		
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pre-Operating & Initial Setup: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Administration, Company Formation, Consultation on Technology & Patent ▪ Virtual Incubation Program 	Month 1-2 (From date of LOA)	25,000.00
Phase/Milestone 1		
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Operation: Allowance, Utilities, ▪ Intellectual Property ▪ CAPEX: Purchase Automatic Wastewater Treatment Plant , Mobile Calorimeter for Water testing, 2 unit of pump, 10 Unit IBC Tank. 20 Unit Drum Tank ▪ Hire Purchase (Down payment) : Forklift ▪ Business & Technical Coaching, Mentoring, Training & Consultancy ▪ Raw Materials. Packaging (Bottle 25 litre) 	Month 3-9 (From date of LOA)	275,000.00
Phase/Milestone 2		
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Purchase of Raw Materials, Packaging (Bottle 25 liter) , Monthly Installment : Forklift ▪ Certification: SIRIM, MYHiau Brand, Material Safety Data Sheet (MSDS) Certification ▪ Professional Fees: Certified Environment Professional in Scheduled Waste Management (CePSwaM) ▪ Business & Technical Coaching, Mentoring, Training & Consultancy ▪ Marketing, Advertisement & Promotion ▪ Product Launching 	Month 10-15	125,000.00
Phase/Milestone 3		
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Marketing, Advertisement & Promotion ▪ Exhibitions ▪ Product Sampling 	Month 16-18	75,000.00



MR

**JADUAL 5
PECAHAN PEMBAYARAN GERAN SUPERB**

Item	Cost per Item (RM)	Mobilization	Milestone 1	Milestone 2	Milestone 3	Total Cost (RM)	Note
Project Management		3,000.00				3,000.00	Company Registration, Logo
Preparation of Infrastructure		8,000.00				8,000.00	Office Equipment & Facilities, Fume Hood, Utilities
Salary & Allowance		12,000.00	38,500.00	27,500.00	22,000.00	100,000.00	Managing Director, Production Manager, Director, Admin/Technician
Purchase of Assets			164,000.00	76,000.00		240,000.00	Automatic wastewater treatment system for oil recovery process, mobile calorimeter for water testing (method approved by DOE), forklift & 2 units of pump
Cost of Technology			50,000.00			50,000.00	Technology licensing

Item	Cost per Item (RM)	Mobilization	Milestone 1	Milestone 2	Milestone 3	Total Cost (RM)	Note
R&D/Professional/ Training/Certificate Fees			10,000.00	10,000.00	30,000.00	50,000.00	SIRIM, MvHiau Brand, Material Safety Data Sheet Certification, Certified Environment Professional in Scheduled Waste Management (CePSwaM)
Raw Materials/Packaging			6,500.00	2,500.00	2,000.00	11,000.00	IBC Tank (1000 L), drum tank (200 L), plastic bottle (25 L), chemicals, seafood waste/product
Advertising & Promotion				6,000.00	19,000.00	25,000.00	Exhibition, product launching, trademarks registration, promotional video, market validation/product testing
Traveling, Transportation, Accommodation		2,000.00	6,000.00	3,000.00	2,000.00	13,000.00	For marketing & progress meeting
Total Expenditure (RM)		25,000.00	275,000.00	125,000.00	75,000.00	RM 500,000	



**JADUAL 6
NOTIS PEMBAYARAN**

[kepala surat Syarikat Penerima Geran SUPERB]

[Tarikh]

Nama Agensi Pemantau
Alamat Agensi Pemantau
Untuk Perhatian:

Tuan,

**NOTIS PEMBAYARAN BAGI TAWARAN GERAN DI BAWAH PROGRAM SKIM
USAHAWAN PERMULAAN BUMIPUTERA**

Tarikh Surat Tawaran: (“Surat Tawaran tersebut”)

Nama Penerima Geran SUPERB:

Kami merujuk kepada perkara di atas dan Surat Tawaran tersebut.


Melainkan diperuntukkan sebaliknya dalam Notis Pembayaran ini, semua perkataan dan terma yang didefinisikan dalam Surat Tawaran tersebut hendaklah apabila digunakan atau dirujuk dalam Notis Pembayaran ini, merujuk kepada tafsiran yang sama sepertimana yang diperuntukkan dalam Surat Tawaran tersebut.

Berdasarkan Klausula 6.3(a) Surat Tawaran tersebut, kami Penerima Geran SUPERB dengan ini:-

- (i) memberi notis kepada Tuan bagi pembayaran bahagian Geran SUPERB berjumlah Ringgit Malaysia (RM.....);
- (ii) meminta Tuan untuk membuat pembayaran tersebut ke akaun berikut:-

Nama:
No. Akaun.:
Bank Akaun:

- (iii) mengesahkan bahawa Projek SUPERB telah dijalankan sepertimana yang ditetapkan di bawah Jadual Pelaksanaan;
- (iv) mengesahkan bahawa semua dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan bagi tujuan pembayaran ini sepertimana yang dikehendaki di bawah Klausula 6.3(b) Surat Tawaran tersebut adalah dilampirkan di sini; dan
- (v) mengesahkan bahawa semua terma-terma dan syarat-syarat bagi pembayaran sepertimana yang diperuntukkan dalam Klausula 6.2 Surat Tawaran tersebut telah dipatuhi semasa Notis Pembayaran ini dikemukakan.



21

Kami dengan ini membuat representasi dan jaminan kepada Tuan bahawa:-

- (a) semua representasi dan perakuan yang dinyatakan dalam Surat Tawaran tersebut adalah benar dan tepat pada tarikh Notis Pembayaran ini;
- (b) tiada kemungkiran atau sebarang kemungkinan kemungkiran di bawah Klausula 11.1 Surat Tawaran tersebut pada tarikh Notis Pembayaran ini; dan
- (c) pembayaran yang dibuat oleh Tuan kelak tidak akan, sepanjang pengetahuan terbaik kami, menyebabkan berlakunya mana-mana kemungkiran di bawah Klausula 11.1 Surat Tawaran tersebut atau menyebabkan apa-apa representasi dan perakuan yang dinyatakan dalam Surat Tawaran tersebut menjadi tidak benar dan tidak tepat pada tarikh pembayaran dijangka akan dibuat dan tiada sebarang sebab di sepanjang pengetahuan terbaik kami yang tidak membenarkan Tuan membuat bayaran kepada kami sepertimana yang diperuntukkan dalam Surat Tawaran tersebut.


Yang Benar,
(Nama Syarikat Penerima Geran SUPERB)

Penandatanganan yang dibenarkan oleh Syarikat

.....

Salinan kepada:

Unit Peneraju Agenda Bumiputera
Tingkat 5, Surian Tower,
No. 1 Jalan 7/3, Mutiara Damansara,
47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
(Untuk Perhatian: Ketua Pegawai Eksekutif)



NR

JADUAL 7
SURAT KEBENARAN PEMROSESAN MAKLUMAT PERIBADI DI BAWAH
AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

[kepala surat Syarikat Penerima Geran SUPERB]

[Tarikh]

Unit Peneraju Agenda Bumiputera

Tingkat 5, Surian Tower,
No. 1 Jalan 7/3, Mutiara Damansara,
47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
(Untuk Perhatian: Ketua Pegawai Eksekutif)

Tuan,

**SURAT KEBENARAN PEMROSESAN DATA-DATA PERIBADI BAGI TAWARAN
GERAN DI BAWAH PROGRAM SKIM USAHAWAN PERMULAAN BUMIPUTERA
("Program SUPERB")**

Tarikh Surat Tawaran: ("Surat Tawaran tersebut")


Nama Penerima Geran SUPERB:

Saya,, No. Kad Pengenalan adalah pemegang saham atau pengarah Penerima Geran SUPERB. Saya mengakui telah membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat yang diperuntukkan dalam Surat Tawaran tersebut.

Saya dengan ini memberi kebenaran kepada Unit Peneraju Agenda Bumiputera, Teraju Bumiputera Corporation dan Agensi Pemantau yang dirujuk dalam Surat Tawaran tersebut untuk memproses data-data peribadi saya yang telah dikemukakan dan/atau akan dikemukakan kepada Unit Peneraju Agenda Bumiputera, Teraju Bumiputera Corporation dan/atau Agensi Pemantau bagi tujuan Program SUPERB selaras dengan peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Saya juga bersetuju bahawa saya hendaklah menghubungi Unit Peneraju Agenda Bumiputera, TERAJU Bumiputera Corporation atau Agensi Pemantau, mana-mana yang berkenaan, untuk mengakses, membetulkan, memansuhkan data-data peribadi saya atau menarik balik kebenaran yang diberikan di atas.

Saya faham dan bersetuju bahawa sebarang tindakan berhubung pembetulan, pemansuhan dan/atau penarikbalikan kebenaran ini boleh menjejaskan komunikasi di antara saya dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera, TERAJU Bumiputera Corporation dan Agensi Pemantau serta boleh menjejaskan pelaksanaan Program SUPERB yang dipersetujui oleh Penerima Geran SUPERB di bawah Surat Tawaran tersebut.



Saya bersetuju bahawa Unit Peneraju Agenda Bumiputera, TERAJU Bumiputera Corporation dan Agensi Pemantau tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan untuk melaksanakan mana-mana obligasinya yang berkaitan dengan Program SUPERB akibat daripada pembedaan, pemansuhan dan/atau penarikbalikan kebenaran ini oleh saya.

Yang Benar,
(Nama Syarikat Penerima Geran SUPERB)

Pemegang Saham / Pengarah

.....



21

LAMPIRAN A

BAHAGIAN A
AKUAN SETUJU TERIMA

Saya yang bertandatangan di bawah adalah Pengarah yang telah diberikuasa oleh (MNR MULTITECH SDN. BHD.) sebagai Penerima Geran SUPERB. Saya dengan ini mengaku bahawa saya telah membaca dan memahami segala terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Surat Tawaran TERAJU (Ruj: TERAJU/SUPERB/S1/2017/MNRMULTITECH) bertarikh dan dengan ini bersetuju dengan semua terma-terma dan syarat-syarat tersebut.

'Surat Kebenaran Pemrosesan Data-Data Peribadi Bagi Tawaran Geran Di Bawah Program Skim Usahawan Permulaan Bumiputera' yang telah ditandatangani oleh semua pemegang saham dan pengarah Syarikat Penerima Geran SUPERB adalah dilampirkan.



.....
(tandatangan)

Nama : MOHD NABI BIN RAZALI
No. Kad Pengenalan : 846809-01-5939
Jawatan : PENGARAH URUSAN, MNR MULTITECH SDN.BHD.


BAHAGIAN B
PERAKAUAN AGENSI PEMANTAU

Saya yang bertandatangan di bawah adalah wakil yang telah diberikuasa oleh (Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd) dan dengan ini mengaku bahawa saya telah membaca dan memahami segala terma-terma dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh Penerima Geran SUPERB seperti mana yang terkandung dalam Surat Tawaran TERAJU (Ruj: TERAJU/SUPERB/S1/2017/MNRMULTITECH) bertarikh

Saya dengan ini memperakui Jadual 2, Jadual 3, Jadual 4 dan Jadual 5 adalah benar.


.....
(tandatangan)

Nama : AZRA'I BIN SHUIB
No. Kad Pengenalan : 630726-01-6017
Jawatan : PENGURUS BESAR,
INKUBATOR & PEMBANGUNAN
TEKNOPREMIUM



NR

**JADUAL 1
BUTIR-BUTIR PENERIMA GERAN SUPERB**

No	Perkara	Butiran
1	Penerima Geran SUPERB	<p>Nama: Mohd Najib Bin Razali Nama Syarikat: MNR MULTITECH SDN. BHD. No. Syarikat: 1249959-T Alamat Berdaftar: No.8, Lorong Sri Damai Aman 31, Perumahan Sri Damai Aman, 25150 Kuantan Pahang</p>
2	Pemegang Saham Syarikat Penerima Geran SUPERB	<p>Nama: Mohd Najib Bin Razali No. Kad Pengenalan: 840809-01-5939 Alamat: No.8, Lorong Sri Damai Aman 31, Perumahan Sri Damai Aman, 25150 Kuantan Pahang Pegangan Saham Syarikat : 100%</p>
3	Pengarah Syarikat Penerima Geran SUPERB	<p>Nama: Mohd Najib Bin Razali No. Kad Pengenalan: 840809-01-5939 Alamat: No.8, Lorong Sri Damai Aman 31, Perumahan Sri Damai Aman, 25150 Kuantan Pahang</p> <p>Nama: Mohd Aizudin Bin Abd Aziz No. Kad Pengenalan: 840204-14-6039 Alamat: Lot 61, Jalan 36 D, Kg. Cheras baru, 56100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan</p> <p>Nama: Musfafikri Bin Musa No. Kad Pengenalan: 871115-08-6013 Alamat: No 15, Lorong Gambang Damai 1/20, Taman Gambang Damai 1, Jalan Gambang-Kuantan, 26300 Gambang, Pahang</p>
4	Butiran Syarikat Penerima Geran SUPERB bagi tujuan serahan notis	<p>Nombor Telefon: 012-3530738 Emel: najib_ump@yahoo.com.my Alamat Surat Menyurat Syarikat Penerima Geran SUPERB: No.8, Lorong Sri Damai Aman 31, Perumahan Sri Damai Aman, 25150 Kuantan Pahang</p>
5	Agensi Pemantau	Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd



DATED THE DAY OF , 2018

BETWEEN

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

AND

MNR MULTITECH SDN BHD

(Company No: 1249959-T)

TECHNOLOGY LICENSING AGREEMENT

TECHNOLOGY LICENSING AGREEMENT

THIS AGREEMENT is made this **14 NOV 2018** day of 2018.



BETWEEN

